

KATA PINJAMAN BAHASA ARAB DALAM BAHASA MELAYU: SATU TINJAUAN DARI ASPEK KEAGAMAAN

Siti Rashidah binti Bahrulddin

Pusat Pengajian Bahasa Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia (USM).

E-mel: pbshidah@usm.my

Qusay Shihab Hamad

University of Information Technology and Communications (UoITC), Baghdad Iraq.

E-mel: qusay@uoitc.edu.iq

ABSTRAK

Kajian ini menyoroti penggunaan kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu khususnya dari aspek keagamaan. Penyebaran pengaruh agama islam ke Tanah Melayu sekitar abad ke-13 Masihi meninggalkan pengaruh yang besar terhadap pembentukan bahasa Melayu. Pengaruh islam melalui bahasa Arab memberi kesan dalam perbendaharaan kata yang menyebabkan banyak istilah-istilah Arab yang dipinjamkan dalam bahasa Melayu melebihi bahasa-bahasa asing yang lain seperti Hindustan, Portugis, Belanda dan Inggeris. Sebahagian daripada istilah bahasa Arab ini masih utuh antara sebutan dan maknanya dan sebahagian lagi sebutan berubah makna masih sama serta sebutan dan makna berubah. Terdapat juga kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu masih kekal bentuk asalnya manakala sebahagian lagi diubah mengikut sebutan Melayu. Perubahan bentuk kata apabila menjadi bahasa Melayu merupakan satu proses biasa, hal ini sama juga seperti bahasa-bahasa yang lain apabila meminjam kata daripada bahasa asing. Tujuan kertas kerja ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti dan mengumpulkan kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu khususnya melibatkan aspek keagamaan. Bagi memenuhi tujuan kertas kerja ini beberapa kajian lepas telah dianalisis dengan teliti. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memaparkan keunikan dan keindahan yang terkandung dalam bahasa Melayu sekali gus membuktikan kata pinjaman bahasa Arab memperkaya kosa kata bahasa Melayu.

Kata Kunci: *kata pinjaman bahasa Arab; bentuk; sebutan; makna; bahasa Melayu*

1. PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang dinamik dan sentiasa berkembang melalui interaksi dengan pelbagai budaya dan bahasa lain. Antara bahasa asing yang paling banyak dipinjam dalam bahasa Melayu ialah bahasa Arab. Peminjaman bahasa merupakan suatu perkara yang positif dalam dunia linguistik. Kajian Picone (1996) berpendapat bahawa kaedah peminjaman bahasa membantu bahasa itu mandiri dan kekal berbanding bahasa-bahasa lain. Peminjaman bahasa berlaku disebabkan oleh dua faktor utama iaitu sosial dan gramatikal. Faktor sosial merujuk kepada sikap penutur manakala faktor gramatikal berkaitan dengan aspek tatabahasa.

Kertas kerja ini membincangkan kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu dan difokuskan dari sudut keagamaan. Sejak kurun ke-13 Masihi, pedagang dari Arab datang ke tanah Melayu untuk menjalankan urusan perdagangan. Oleh yang demikian, bahasa Arab yang menjadi bahasa komunikasi antara mereka telah meresap masuk ke dalam bahasa Melayu melalui komunikasi dan dakwah yang disampaikan kepada penduduk tempatan. Menurut Berg (1983) terdapat hampir 2000 perkataan Arab dalam kamus bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa banyak istilah-istilah arab yang dipinjamkan ke dalam bahasa Melayu melebihi bahasa-bahasa asing yang lain seperti Tamil, Hindustan, Jawa, Portugis, Belanda dan Inggeris.

2. PERNYATAAN MASALAH

Bahasa Melayu telah menerima pengaruh yang besar daripada bahasa Arab sejak kedatangan Islam ke tanah Melayu. Pengaruh ini amat ketara dalam bidang keagamaan, pelbagai istilah dan konsep Arab telah diserap masuk ke dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu. Walaupun perkara ini telah lama berlaku namun masih terdapat beberapa isu yang timbul berkaitan dengan penggunaan kata pinjaman tersebut dalam kalangan masyarakat. Pertama, kekeliruan sering berlaku terhadap maksud sebenar sesetengah istilah Arab yang telah di-Melayukan, terutamanya apabila berlaku perubahan makna dan penyempitan konsep asal dalam penggunaan harian. Misalnya istilah seperti *afdal*, *hijab* dan *takdir* mungkin difahami secara berbeza daripada makna asal dalam konteks bahasa Arab. Kedua, tiada dokumentasi yang menjelaskan sistem penyesuaian kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu dari sudut fonologi, morfologi dan semantik terutamanya dalam konteks agama.

Justeru, satu kajian yang sistematik perlu dilakukan untuk mengenal pasti, menghuraikan dan menganalisis kata pinjaman bahasa Arab terutamanya berkaitan dengan aspek keagamaan dalam bahasa Melayu. Kajian ini juga perlu membincangkan sejauh mana penggunaan istilah-istilah ini membantu pemahaman agama dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

3. OBJEKTIF

Kajian ini menggariskan beberapa objektif yang utama. Objektif yang pertama kajian ini ialah bertujuan untuk mengenal pasti kata pinjaman bahasa Arab yang digunakan dalam konteks agama Islam di Malaysia. Objektif yang kedua diteruskan dengan penelitian terhadap kata pinjaman ini yang disesuaikan dalam linguistik bahasa Melayu. Objektif pertama dan kedua menjuruskan kepada objektif yang ketiga iaitu mengkaji kepentingan penggunaan kata pinjaman ini dalam kehidupan beragama Islam.

4. KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini nanti diharap dapat membantu masyarakat memahami asal-usul istilah agama yang digunakan secara meluas di Malaysia. Selain itu, hasil kajian ini juga diharap memberi kesedaran terhadap kekayaan budaya dan bahasa Melayu hasil interaksi dengan tamadun Islam. Di samping itu, hasil kajian ini diharap menjadi rujukan dalam pemurnian istilah keagamaan dalam penggunaan rasmi.

5. TINJAUAN LITERATUR

Peminjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu telah menarik perhatian ramai ahli bahasa, khususnya dalam konteks sejarah, linguistik dan keagamaan. Pelbagai penulisan ilmiah telah dilakukan untuk meneliti proses peminjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu. Menurut Haron Hassan (2008) dalam bukunya *Pengaruh Bahasa Arab dalam bahasa Melayu*, peminjaman istilah Arab berlaku secara berperingkat, seiring dengan perkembangan Islam di Nusantara. Beliau menjelaskan bahawa kebanyakan kata yang dipinjam berkait rapat dengan istilah keagamaan seperti *iman*, *ibadah*, *syariah* dan *akhlak*.

Manakala Abdullah Hassan (2006) melalui bukunya yang berjudul *Sosiolinguistik dalam Bahasa Melayu*, beliau menekankan bahawa peminjaman bahasa berlaku apabila terdapat keperluan komunikasi dan kekosongan konsep dalam bahasa penerima. Dalam hal ini, bahasa

Arab menyumbang banyak istilah yang tidak wujud sebelumnya dalam bahasa Melayu, khususnya berkaitan dengan hukum islam dan ibadah.

Nik Safiah Karim et al. (2015) dalam *Tatabahasa Dewan* pula menjelaskan aspek penyesuaian fonologi dan morfologi dalam kata pinjaman bahasa Arab, seperti kata Arab yang mengandungi huruf 'ain atau bunyi glottal seperti ta'lim dan doa dalam bahasa Melayu telah disesuaikan istilah Arab mengikut sistem ejaan dan sebutan tempatan.

Nokman et al. (2021) menjalankan kajian kuantitatif ke atas pelajar bahasa Arab di UiTM Dungun, mendapati 85% responden merasakan bahawa pinjaman kosa kata Melayu-Arab mempercepat pemahaman bahasa Arab mereka. Impaknya penggunaan istilah keagamaan berbentuk pinjaman memudahkan pemindahan ilmu agama dan bahasa Arab.

6. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan, iaitu penggunaan buku, kamus, jurnal dan artikel. Analisis linguistik dibuat terhadap kata pinjaman bahasa Arab yang digunakan dalam konteks keagamaan. Bagi menilai kebolehterimaan ayat-ayat yang dikaji pengkaji menggunakan kaedah introspeksi. Hal ini kerana, penulis terdiri daripada penutur jati bagi bahasa-bahasa yang dikaji.

6.1 Pengumpulan dan Pemerhatian data Kajian

Bahagian ini menyenaraikan data kajian yang terdiri daripada 25 perkataan Arab yang dipinjam dalam bahasa Melayu dari aspek keagamaan.

Jadual 6.1 Kata Pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu dari Aspek Keagamaan

Bil	Bahasa Arab	Bahasa Melayu
1	أفضل	Afdal
2	عقيدة	Akikah
3	أخلاق	Akhlak
4	عقيدة	Akidah
5	أمل	Amal
6	عورة	Aurat
7	داعي	Daei
8	فرد	Fardu
9	حلال	Halal
10	حرام	Haram
11	حجاب	Hijab
12	أخلاص	Ikhlas
13	أمام	Imam
14	إيمان	Iman
15	جاهل	Jahil
16	جهاد	Jihad
17	كتاب	Kitab
18	مغرب	Magrib
19	مسجد	Masjid
20	مؤلف	Mualaf

21	معصية	Maksiat
22	مفتي	Mufti
23	مسلم	Muslim
24	مطلق	Mutlak
25	تقدير	Takdir

Berdasarkan Jadual 6.1, kata pinjaman bahasa arab telah mengalami penyesuaian bunyi bahasa dalam bahasa Melayu yang diringkaskan seperti dalam jadual 6.2 di bawah:

Bunyi	Bahasa Arab	Bahasa Melayu
'Ain (ع)	Bunyi tekak	Dihilangkan atau tidak disebut
Qaf (ق)	"K"	Jadi "k" biasa
Kha (خ)	Geseran	Jadi "kh" ringan atau "k"
Ghayn (غ)	Geseran uvular bersuara	Jadi "g" biasa atau tidak disebut jelas
Hamzah (ء)	Glottal stop	Diabaikan dalam banyak kes
Emphatic (ض، ط، ظ)	Bunyi tekak berat	Jadi versi ringan: s, d, t, z
Vokal panjang	ا، و، ي panjang	Dipendekkan atau tidak dibezakan

7. PENUTUP

Kajian ini memperlihatkan bahawa kata pinjaman bahasa Arab memainkan peranan penting dalam pembentukan kosa kata bahasa Melayu, khususnya dalam aspek keagamaan. Penyebaran agama Islam telah membuka jalan kepada ribuan istilah Arab dipinjam dalam bahasa Melayu. Peminjaman ini disesuaikan dengan bidang fonologi, morfologi dan semantik bahasa Melayu yang berjaya mengasimilasikan perkataan bahasa Arab dengan cukup berkesan tanpa menjejaskan penggunaannya dalam kalangan penutur bahasa Melayu. Hal ini membuktikan bahawa peminjaman bahasa bukan sekadar proses linguistik, tetapi juga berkaitan hubungan budaya dan agama yang mendalam. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat mencetuskan minat pengkaji linguistik untuk meneliti dengan lebih jauh berkaitan peminjaman bahasa Arab dari aspek yang lain dalam bahasa Melayu.

8. RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2006). *Sosiolinguistik dan bahasa Melayu*. Utusan Publications.
- Beg, M. A. J. (1983). *Arabic loan-words in Malay: A comparative study (A survey of Arabic and Islamic influence upon the languages of the Malay world)* (3rd rev. ed.). University of Malaya.
- Haron Hassan. (2008). *Pengaruh bahasa Arab dalam bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). *Kamus Dewan* (Edisi ke-4). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Picone, M. D. (1996). *Anglicisms, Neologisms and Dynamic French*. In Siti Linguistic Investigationes Supplementa (Vol. 18). John Benjamins Publishing.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan* (Edisi ke-3). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nokmat, N., Ahmad, S., Ramli, N., & Halim, R. A. (2021). *Manfaat Pinjaman Kosa Kata Bahasa Melayu dari Bahasa Arab*. Jurnal Antarabangsa Kajian Asia Barat, 13, 209–219.